

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 18 Jun 2020 9:28 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: #whenyouthspeaks Kupas Isu Semasa Keusahawanan




UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 JUN 2020 / 26 SYAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Biro Jaringan Luar dan Publisiti ENACTUS UUM
Gambar oleh: Biro Multimedia ENACTUS UUM

#WHENYOUTHSPEAKS KUPAS ISU SEMASA KEUSAHAWANAN



UUM ONLINE: Pendidikan keusahawanan merupakan antara agenda utama yang kerap ditekankan dalam kebanyakan negara terutamanya yang berasaskan industri kerana kemampuannya yang menyerlah dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Salah satu cabang ilmu dan aliran baru dalam disiplin keusahawanan yang berpotensi besar untuk menyumbang kepada penyelesaian masalah masyarakat baik dari segi ekonomi, sosial mahupun alam sekitar ialah keusahawanan sosial yang turut dikenali sebagai keusahawanan rakyat atau keusahawanan sivik.

Sehubungan dengan itu, Unit ENACTUS, Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan dan Kepimpinan Pelajar (SELECT), Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan sesi perkongsian dalam talian (online) bertajuk '*From Charity Work to Social Entrepreneurship*'.

Pengarah CEDI, Prof. Madya Dr. Chandrakantan Subramaniam berkata, webinar berdurasi 1 jam 15 minit itu telah membincangkan tentang definisi dan skop keusahawanan sosial serta pengalaman berkecimpung dengan bidang tersebut dan bagaimana pelajar dan individu yang berminat boleh memulakan aktiviti keusahawanan sosial masing-masing.

Menurutnya, pelajar ENACTUS ini adalah antara golongan '*crème de la crème*' (the best person or thing of a particular kind) yang sewajarnya diberi peluang untuk membuktikan kemampuan mereka, bukan sahaja di dalam akademik malah menerusi program-program yang melibatkan mereka untuk berinteraksi dengan pihak luar di dalam dan luar negara.

"Dalam siri *#whenyouthspeaks* yang akan datang, moderator akan dilantik dalam kalangan pelajar ENACTUS sendiri bagi mendedahkan mereka dengan orang ramai.

"Saya yakin menerusi penganjuran *#whenyouthspeaks*, portfolio pelajar dapat dibentuk dan ini akan meningkatkan keyakinan mereka untuk berinteraksi dengan individu daripada pelbagai lapangan," katanya.

Beliau berkata, walaupun penganjuran program itu diadakan secara ringkas, tetapi sekiranya diteruskan serta pelajar mendapat bimbingan yang sepatutnya, beliau percaya kelak pelajar tersebut akan terpampang di kaca televisyen pula mengulas isu-isu semasa dan membentangkan projek kemasyarakatan mereka sebagaimana aspirasi daripada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali.

Panelis sesi pertama *#whenyouthspeaks* adalah Dr. Javaria Abbas dari Bahauddin Zakariya University, Pakistan; Pengarah Urusan Athena Holdings Sdn. Bhd., Anja Juliah Abu Bakar dan Pengasas aplikasi mobil 'Kakak', Chow Shenn Kuan serta Fatin Athirah Fadzillah selaku moderator.

Penganjuran pertama kali *#whenyouthspeaks* telah mendapat lebih 2000 tontonan secara langsung di Cisco Webex dan Facebook Live serta turut menerima respon pelbagai soalan yang menarik daripada peserta dari dalam dan luar UUM.

Siri *#whenyouthspeaks* ini akan diteruskan lagi dengan kupasan isu-isu semasa disulami elemen keusahawanan dengan gerak kerjanya dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar ENACTUS.



Please consider the environment before printing this e-mail



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.